

# Sejarah hitam bentuk Malaysia

BH-16/9/2007

Sukarno tentang keras idea penggabungan Sarawak, Sabah dan Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu hingga cetus konfrontasi

## Jejak

Oleh Nasron Sira Rahim  
nasron@bharian.com.my

"S"EMOGA konfrontasi tidak akan berulang lagi," demikian harapan Pensyarah Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr Talib Samat mengenangkan keadaan kucar-kacir lagi merasakan ketika berlakunya era konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia dari 1962 hingga 1966.

Beliau yang melakukan kajian mengenai kehidupan masyarakat ketika era konfrontasi khususnya di Felda Tenang di Labis, Segamat, Johor, pada tahun lalu, sayu ketika mendengar sendiri pengakuan penduduk betapa susah dan seksanya kehidupan pada zaman itu.

"Perintah berkurung dilaksanakan malah penduduk tidak berani keluar merayau ke mana-mana kerana khuatir ditembak askar Indonesia yang menceroboh," katanya yang merekodkan semua kajian itu dalam novel sejarahnya, *Tenang Dalam Gelora*.

Lebih memilukan, kejadian konfrontasi yang membayangi pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 itu turut mencetuskan kekacauan serta pertempuran sehingga membabitkan kehilangan ramai nyawa termasuk di kalangan tentera Malaysia.

"Kemuncak konfrontasi Malaysia dan Indonesia bermula kira-kira jam 10 pagi pada 20 Januari 1963 apabila Menteri Luar Indonesia, Dr Subandrio mengisytiharkan menerusi media negara itu mengenai pendirian mereka untuk bermusuhan dengan negara kita," katanya sebelum memulakan kisah konfrontasi yang kini sudah lebih 40 tahun berlalu.

Dengan berslogankan 'Ganyang Malaysia', Presiden Indonesia ketika itu, Sukarno menentang keras idea penggabungan Sarawak, Sabah dan Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu bagi membentuk Malaysia pada 1961 sekali gus menjadi punca konfrontasi.

Sukarno yang dipengaruhi anasir hasutan Parti Komunis Indonesia (PKI) juga lantang menyuarakan bahawa Malaysia hanyalah boneka British dan penggabungan itu akan menambahkan kekuatan British di rantau Nusantara seterusnya dikhuatiri mengancam kemerdekaan Indonesia.

Ketika British berhasrat menggabungkan Sabah ke dalam Malaysia, polemik semakin meruncing apabila Filipina turut menuntut hak penguasaan ke atas Sabah dengan alasan negeri itu pernah memiliki hubungan sejarah dengan Filipina melalui Kepulauan Sulu, suatu ketika dulu.

Hasrat penggabungan itu bukanlah semudah cadangan di atas kertas, tentangan demi tentangan diberikan tidak saja oleh Indonesia dan Filipina tetapi juga di Brunei apabila Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) memberontak pada 8 Disember 1962.

Mereka cuba menangkap Sultan Brunei, menguasai ladang minyak dan penduduk Eropah lain di negara itu. Sultan bagaimanapun berjaya lolos dan meminta pertolongan British.

Pasukan British termasuk askar Gurkha dari Singapura kemudian tiba untuk membantu dan pada 17 April 1963, pemimpin pemberontak ditangkap dan pemberontakan di Brunei berakhir.



**KETUA Pemuda Umno, Tun Sardon Jubir (baju batik) turut menyual siyasat tentera Indonesia yang ditahan di Labis, Johor.**

menyertai Persekutuan Tanah Melayu sekali gus membentuk Malaysia tetapi Brunei menolak penggabungan itu manakala Singapura bertindak keluar daripada gagasan negara itu tidak lama kemudian.

Meskipun Filipina tidak turut serta dalam peperangan, mereka memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia.

Ketegangan berterusan antara kedua-dua belah pihak yang dipisahkan Selat Melaka itu. Bangunan Kedutaan Britain di Jakarta dibakar penduduk yang merusuh. Ratusan perusuh menyerbu kedutaan Singapura di Jakarta selain rumah diplomat Singapura.

Bagaimanapun, berbanding Indonesia, Malaysia lebih mengambil sikap defensif apabila tidak menyerang dan mencegah kemasukan tentera Indonesia daripada terus menceroboh negara ini. Usaha tentera Malaysia itu turut dibantu tentera British dan Australia.

Di sepanjang perbatasan Kalimantan, peperangan berterusan dengan askar Indonesia terus cuba menduduki Sarawak dan Sabah tetapi dibalas dengan tembakan tanpa henti oleh tentera Malaysia.

Pada 1964, Indonesia kembali mencatur strategi. Sebilangan pasukan askar elit Indonesia diseludup masuk untuk menyerang wilayah tertentu di Semenanjung Malaysia.

Bagaimanapun, 16 askar perisik Indonesia itu ditangkap di Johor pada Ogos tahun itu. Pencerobohan dan penyusupan masuk ke Semenanjung Malaysia menerusi jalan laut menyebabkan peperangan turut berlaku di kawasan perairan Selat Melaka.

Pada 17 Ogos, pasukan terjun payung Indonesia mendarat di pantai Johor dan menyusup ke dalam hutan bagi membentuk pasukan gerila. Pada 9 September 1964, sekali lagi pasukan terjun payung tentera negara asing itu didaratkan di Labis, Johor.

Bagaimanapun, kebanyakan tentera

Indonesia yang mendarat di perbatasan Johor-Melaka berjaya ditangkap pasukan tentera Malaysia atau terbunuh.

'Pertempuran politik' turut tercetus apabila Malaysia diterima sebagai anggota tidak tetap Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Sebagai protes, Sukarno mengumumkan Indonesia keluar dari PBB dan cuba membentuk Persidangan Kekuatan Baru (Conference of New Emerging Forces) atau Conefo sebagai alternatif.

Selepas peperangan berterusan itu mengorbankan ramai nyawa, konfrontasi Malaysia-Indonesia berakhir selepas pemerintahan Sukarno digantikan dengan presiden baru iaitu Suharto menjelang akhir 1965.

Pada 28 Mei 1966, di sebuah persidangan di Bangkok, Thailand; Kerajaan Malaysia dan pemerintah Indonesia mengumumkan penyelesaian konflik. Kekerasan berakhir pada Jun dan perjanjian perdamaian ditandatangani pada 11 Ogos dan dirasmikan dua hari kemudian.



"Kemuncak konfrontasi Malaysia dan Indonesia bermula kira-kira jam 10 pagi pada 20 Januari 1963 apabila Menteri Luar Indonesia, Dr Subandrio mengisytiharkan menerusi media negara itu mengenai pendirian mereka untuk bermusuhan dengan negara kita"

Dr Talib Samat  
Pensyarah Fakulti Bahasa UPSI

## FAKTA

### Konfrontasi Malaysia-Indonesia

- Konfrontasi berlaku apabila Indonesia menentang hasrat penggabungan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia sebagai negeri bersekutu.
- Pertempuran antara tentera Malaysia dan Indonesia berlaku di Sabah, Sarawak, Johor, Melaka dan Perak. Antara pertempuran tragik yang berlaku pada ketika itu dipercayai terjadi di Kalabakan, Sabah apabila ramai tentera Malaysia ditembak mati ketika sedang bersolat.
- Konfrontasi Malaysia-Indonesia berakhir selepas kira-kira empat tahun apabila Sukarno digantikan oleh Suharto sebagai Presiden Indonesia.

Perang Indonesia terhadap Malaysia secara rasminya bermula selepas pengisytiharaan 'konfrontasi' oleh Dr Subandrio pada 20 Januari 1963. Pada 12 April, tentera sukarelawan Indonesia mulai menceroboh Sarawak dan Sabah untuk menyebarkan propaganda, mencetuskan huru-hara dan mensabotaj.

Pada 27 Julai, Sukarno dengan lantang memekik supaya Indonesia 'mengganyang Malaysia' menyebabkan pencerobohan terus berlaku dan pertempuran bersenjata mula menggegarkan bumi Malaysia. Tembakan saling berbalas dan darah tumpah ke bumi.

Ketika ketegangan masih memuncak, Malaysia secara rasminya dibentuk pada 16 September 1963. Sabah dan Sarawak